

Kejayaan Mapen bukti

BH 3 NOV 2001

PUTRAJAYA, Khamis – Kejayaan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) menghasilkan laporannya, membuktikan rakyat Malaysia berbilang kaum boleh duduk bersama berbincang mengenai masa depan negara sekalipun mempunyai pendapat yang berbeza.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, di sesetengah negara yang rakyatnya berbilang kaum, mereka

tidak boleh duduk bersama, apatah lagi mengadakan perbincangan menentukan masa depan negara mereka.

Menurutnya, pemimpin mereka mungkin terpaksa berbincang sesama sendiri tetapi akhirnya gagal mencapai kata sepakat dan terpaksa mengambil tindakan di jalanan seperti mengadakan demonstrasi serta berbalas tembak hingga menimbulkan perang saudara.

“Tetapi di negara ini kita boleh duduk bersama dan berbincang sebagai manusia yang waras. Walaupun berbeza (pendapat), kita berusaha mencari penyelesaian, mencapai pendapat yang hampir sama dan menghasilkan satu laporan yang akan menyuluh perjalanan kita untuk tempoh 10 tahun akan datang.

“Saya yakin kerana kita mendengar masalah orang lain (dalam Mapen II), sikit

sebanyak ia mempengaruhi pendirian yang agak keterlaluan di kalangan sesetengah daripada kita. Dengan itu, kita dapat mencapai persetujuan yang boleh digunakan untuk membangunkan negara,” katanya pada majlis penyerahan laporan akhir Mapen II di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Laporan itu yang dinamakan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) bagi pembangunan negara un-

keharmonian kaum: PM

tuk tempoh 2001 hingga 2010 diserahkan oleh Pengerusi Mapen II, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid kepada Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengakui dalam usaha membangunkan negara dan masyarakat, sukar untuk memuaskan hati semua pihak dan mengingatkan mengenai hakikat pembangunan antara kaum di negara ini masih belum seimbang.

“Sehubungan itu, kita

perlu seimbangkan. Oleh itu, ada pihak yang akan menjadi korban, dan ada pihak yang mendapat lebih.

“Tetapi jika diteliti pembahagian ini, kita dapati yang mendapat lebih juga sebenarnya perlu berkorban sesuatu sebelum mendapat dan menerima sesuatu untuk diri mereka. Inilah asas untuk mengekalkan kestabilan dalam negara,” katanya.

Menurutnya, kestabilan

negara tidak dapat dicapai jika semua pihak tidak mahu berkorban serta membuat tuntutan yang keterlaluan tanpa mengambil kira sensitiviti kaum lain.

Beliau meminta rakyat negara ini mengambil iktibar peperangan dan perpecahan yang berlaku di negara berbilang kaum seperti Ireland Utara dan Bosnia-Herzegovina akibat ketiadaan sikap bertolak-ansur.